

>>Oleh Khairulmizan Yahya  
am@hmetro.com.my

**K**UANTAN: Kerajaan akan terus memujuk individu masih gagal melaksanakan bayaran balik Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) supaya berbuat demikian sehingga pelaksanaan bayaran balik melalui potongan gaji menjelang 2013.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, amalan memujuk dan berunding akan digunakan untuk menggalakkan peminjam membuat pembayaran dan langkah itu ternyata berkesan dengan peningkatan jumlah kutipan diterima.

"Kita faham ada peminjam masih tidak mempunyai pekerjaan atau bergaji rendah, namun mereka harus menghubungi PTPTN untuk berbincang dan kita akan mengkaji semula jadual atau jumlah bayaran mengikut kemampuan mereka.

"Banyak kes seumpama itu dapat diselesaikan dan kita cuba elakkan segelintir pihak yang enggan membuat bayaran dan terus hilang tanpa cuba berbincang," katanya pada sidang media selepas merasmikan Festival Usahawan Muda dan Jom Cari Kerja Kolej Komuniti Wilayah Timur di Kolej Komuniti Kuantan, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan

# Pujuk peminjam jelas hutang

## Bekas pelajar dapat manfaat PTPTN boleh bincang jadual bayaran balik

dan Kebudayaan, Datuk Wan Adnan Wan Mamat, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Mejar Professor Madya Kamaruddin Kasim dan Pengarah Kolej Komuniti Kuantan, Norlida Abd Razak.

Sementara itu, mengulas mengenai kekurangan penyertaan kaum bukan Melayu dalam Program Latihan 1Malaysia, Mohamed Khaled berkata, keadaan itu bukan menggambarkan wujud kelemahan dalam program berkenaan sebaliknya menunjukkan Bumiputera memerlukan bantuan lebih daripada kaum lain.

"Masyarakat tidak boleh lari dari hakikat bahawa dalam sistem kehidupan, kaum lain khususnya Cina didedahkan dengan kemahiran tertentu keluarga mereka atau melalui persatuan berbeza dengan kaum Melayu yang memerlukan program seumpama ini.

"Namun, perbezaan jumlah



**BERBAKAT...** Mohamed Khaled (kanan) menunjukkan kemahiran menggoreng keropok ketika melawat gerai, semalam.

penyertaan itu tidak sepatutnya dilihat sebagai usaha membantu kaum Melayu semata-mata memandangkan kita tidak menghalang sebaliknya menggalakkan

kaum lain untuk menyertai program berkenaan," katanya.

Katanya, sehingga Mei lalu, seramai 45,000 orang menyertai Program Latihan

1Malaysia dengan 42,000 daripadanya adalah daripada kaum Melayu, 1,050 kaum Cina dan selebihnya adalah kaum India dan lain-lain.